

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR]

TARIKH : 04 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik pekerja asing yang sah dan tidak sah dan apakah pelan tindakan Kementerian berhubung perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan statistik Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 31 Ogos 2019, jumlah pekerja asing yang berdaftar dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PL(KS)) adalah 1,994,120 orang. Sektor perkilangan adalah sektor tertinggi yang menggajikan pekerja asing iaitu seramai 706,502, diikuti sektor pembinaan 429,552, sektor perladangan 268,203, sektor pertanian 150,003 dan pembantu rumah 130,450. Manakala, data berhubung pekerja asing tidak sah tidak dapat ditentukan.
2. Pihak Kementerian Sumber Manusia hanya boleh mengemukakan langkah-langkah yang diambil dalam mengurangkan kebergantungan industri ke atas tenaga kerja asing seperti berikut:
 - (i) menetapkan had penggajian pekerja asing di Malaysia tidak melebihi 15% daripada jumlah guna tenaga Negara pada tahun 2020 sepertimana yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11;
 - (ii) majikan dikehendaki untuk mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam Portal *JobsMalaysia* bagi memastikan kekosongan jawatan ditawarkan kepada pencari kerja tempatan terlebih dahulu;
 - (iii) kolaborasi antara JTK dengan majikan melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P) untuk penawaran peluang pekerjaan kepada pencari kerja tempatan;
 - (iv) memperkenalkan Sistem Latihan *Dual* Nasional untuk menyediakan tenaga kerja mahir negara melalui kaedah latihan industri yang komprehensif dan terkini bagi memastikan kemahiran tenaga kerja dipertingkatkan;

SOALAN NO : 19

(v) pembiayaan latihan di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad melalui caruman levi majikan untuk melatih semula pekerja bagi meningkatkan kemahiran serta kepelbagaian kemahiran pekerja;

(vi) menggalakkan sektor-sektor berintensifkan buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi. Langkah ini dapat membantu negara mencapai sasaran melahirkan 35% pekerja mahir di Malaysia menjelang tahun 2020;

(i) menyediakan *exit policy* penggajian pekerja asing melalui pelaksanaan pelan latihan kemahiran kepada pekerja warganegara, memberi keutamaan kepada mekanisme *Industrialised Building System* (IBS) dalam sektor pembinaan, peralihan kepada intensif automasi dan mekanisasi, restoran berkonsepkan *self-service* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Berhubung dengan pelan berhubung kawalan Pekerja asing tidak sah, perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.